

Martabatkan bidang pendidikan kemahiran

SISTEM pendidikan negara perlu memperluaskan bidang kemahiran kerana ia boleh menjadi penyumbang terbesar kepada ekonomi negara.

Ini kerana bidang kemahiran semakin diterima dan potensi untuk meningkatkan ekonomi sangat besar serta mampu menandingi kehebatan negara luar.

Pada masa sama, seseorang itu boleh mencipta industri sendiri yang relevan dan selaras dengan matlamat kerajaan untuk melihat ramai rakyat di negara ini menjadi usahawan dalam bidang

kemahiran.

Pensyarah Kanan Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Mohamad Noorizuddin Nooh berkata, bidang kemahiran di Malaysia perlu dimartabatkan dan mencontohi kebanyakan negara Eropah atau Barat yang giat mengembangkan sektor kemahiran.

"Sekarang ini, kemahiran dilihat sebagai cara mudah untuk menjana pendapatan



MOHAMAD
NOORIZUDIN

bagi seseorang individu tanpa memerlukan latar belakang pendidikan tinggi.

"Di negara luar, pendapatan seseorang yang aktif dalam kerja kemahiran boleh mencecah lima angka sebulan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Menurutnya, bidang kemahiran seperti teknikal, elektrik dan mekanikal boleh menyumbang pendapatan tinggi kepada individu.

Pada masa sama, industri tekstil dan seni hiasan turut menjadi trend terkini kerana permintaan tinggi boleh menjadi antara penyumbang ekonomi terbesar.

"Malaysia perlu mengangkat profesion dalam kemahiran kerana ia sedang berkembang dan menjadi pelan sokongan kepada ekonomi individu termasuk negara.

"Jika Malaysia mempunyai ramai tenaga mahir, kebergantungan kepada orang luar boleh dikurangkan, sekaligus membantu perkembangan ekonomi negara," ujarnya.